



Ruj. Kami : NPRA.100-1/3/13 (20)
Tarikh : 13 Julai 2023

SENARAI EDARAN

YBhg Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PENAMATAN AKTIVITI PEMANTAUAN DAN PENGEMASKINIAN REKOD PARAS STOK PRODUK BERDAFTAR

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang pihak YBhg Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan sedia maklum, pihak Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi pada 15 Julai 2022 telah mengeluarkan arahan bertulis di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (PKDK 1984) kepada semua Pemegang Pendaftaran Produk (PRH) untuk mengemaskini rekod paras stok produk farmaseutikal berdaftar. Rekod paras stok perlu dikemaskini melalui pautan laman sesawang *Google Drive* pada 1hb dan 15hb setiap bulan bagi memastikan stok produk farmaseutikal berdaftar adalah mencukupi untuk kegunaan di Malaysia.
3. Dimaklumkan bahawa pemantauan terkini paras stok pada 1 Julai 2023 menunjukkan paras stok produk adalah mencukupi untuk kegunaan di Malaysia. Bahan aktif terakhir yang telah dipantau adalah *Triprolidine (Combination other than Pseudoephedrine) tablet/syrup*. Oleh yang demikian, aktiviti pemantauan dan pengemaskinian rekod paras stok produk berdaftar oleh semua PRH tidak akan diteruskan mulai 15 Julai 2023.
4. Walau bagaimanapun, sekiranya NPRA ada menerima laporan gangguan bekalan produk farmaseutikal, pemantauan berkala akan dimulakan semula bagi produk farmaseutikal yang berkenaan. Selain itu, pihak PRH juga bertanggungjawab untuk memaklumkan pihak NPRA sekiranya terdapat makluman awal / notis gangguan bekalan yang diterima dari pengilang produk farmaseutikal.
5. Pihak Program Perkhidmatan Farmasi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas segala kerjasama dan komitmen yang telah diberikan oleh pihak YBhg Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan sepanjang aktiviti pemantauan paras stok produk berdaftar dijalankan. Diharapkan kerjasama sebegini akan diteruskan

oleh pihak YBhg Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan apabila terdapat keperluan pada masa akan datang.


6. Sekiranya pihak YBhg Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila kemukakan pertanyaan tersebut melalui alamat e-mel: medswatchmalaysia@npra.gov.my.

Perhatian serta kerjasama YBhg Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(NORHALIZA BINTI A. HALIM) RPh.1750
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

RA/sak/mm/aco

s.k.

1. Ketua Pengarah Kesihatan
2. Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
3. Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
4. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
5. Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
6. Pengarah Bahagian Lembaga Farmasi
7. Timbalan Pengarah Pusat Penilaian Produk dan Kosmetik, NPRA
8. Timbalan Pengarah Pusat Koordinasi dan Perancangan Strategik Regulatori, NPRA
9. Timbalan Pengarah Pusat Komplians dan Kawalan Kualiti, NPRA

SENARAI EDARAN

1. *MALAYSIAN ORGANISATION OF PHARMACEUTICAL INDUSTRIES (MOPI)*

Global Business & Convention Centre
Mezzanine Floor, Block A, No. 8, Jalan 19/1, Section 19,
46300 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.
Telefon: 03 7931 9003

2. *PHARMACEUTICAL ASSOCIATION OF MALAYSIA (PhAMA)*

C-18-2, 3 Two Square (Dataran 3 2)
No. 2, Jalan 19/1,
46300 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.
Telefon: 03 7960 8322

3. *MALAYSIAN ASSOCIATION OF PHARMACEUTICAL SUPPLIERS (MAPS)*

c/o Medispec (M) Sdn. Bhd.
B-1-07, Block B, Jalan SS25/22, Mayang Avenue, Taman Mayang,
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.
Telefon: 03 7804 9054